



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SIARAN SEGERA

BANCI EKONOMI 2023 SEKTOR PEMBINAAN

Sektor Pembinaan melibatkan seramai 1.24 juta orang pekerja pada tahun 2022, kekal sebagai industri berintensifkan buruh dengan pekerja asing meliputi 23.6 peratus

PUTRAJAYA, 31 JULAI 2024 – Laporan Banci Ekonomi 2023 bagi sektor Pembinaan telah diluncurkan secara rasminya pada 29 Julai 2024 oleh YB Rafizi Ramli, Menteri Ekonomi. Penerbitan ini memaparkan statistik pembinaan yang diperoleh daripada Banci Ekonomi 2023 bagi tahun rujukan 2022. Statistik utama berkaitan bilangan pertubuhan, output kasar, input perantaraan, nilai ditambah, pekerja, gaji & upah, harta tetap dan pertubuhan milikan wanita dilaporkan di peringkat nasional dan negeri.

Mengulas mengenai laporan Banci Ekonomi 2023 Sektor Pembinaan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan berkata, "Banci Ekonomi 2023 menunjukkan sebanyak 71,062 **pertubuhan** Pembinaan beroperasi pada 2022, dengan kadar pertumbuhan tahunan 8.3 peratus berbanding banci sebelumnya yang dijalankan pada 2016 bagi tahun rujukan 2015 (40,558 pertubuhan). Banci telah mengenal pasti pertubuhan tersebut beroperasi di 72 industri berdasarkan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia. Mengikut subsektor, sebanyak 25,886 pertubuhan atau 36.4 peratus tertumpu dalam subsektor Aktiviti pertukangan khas, diikuti oleh subsektor Kejuruteraan awam (22.5%) dan subsektor Bangunan bukan kediaman (21.1%). Subsektor Bangunan kediaman menyumbang bakinya sebanyak 20.0 peratus.

Dalam pada itu, pertubuhan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) merangkumi 97.1 peratus pada 2022, lebih tinggi daripada peratusan yang dicatatkan tujuh tahun lalu, iaitu 96.5 peratus. Semua subsektor merekodkan sumbangan pertumbuhan PMKS lebih daripada 95 peratus. Selain itu, bancian juga mengenal pasti aktiviti yang berpotensi dalam sektor Pembinaan di Malaysia, termasuk pusat data, pendawaian dan pemasangan elektrik, dan pemasangan pengumpul tenaga solar. Sementara itu, aktiviti pembinaan seperti penggalian laluan air dan penyediaan tapak untuk perlombongan mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan dalam tempoh tersebut."

Ketua Perangkawan menambah, “Nilai **output kasar** bagi keseluruhan sektor Pembinaan berjumlah RM205.1 bilion pada 2022, meningkat 2.0 peratus setiap tahun. Kenaikan itu sebahagian besarnya didorong oleh pertumbuhan kukuh dalam subsektor Aktiviti pertukangan khas dengan pertumbuhan 4.7 peratus, mencatatkan RM52.5 bilion (2015: RM38.1 bilion). Sebelum pandemik COVID-19, nilai output kasar di sektor Pembinaan sebahagian besarnya disumbangkan oleh subsektor Kejuruteraan awam yang merangkumi pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, landasan kereta api, jambatan dan projek utiliti. Walau bagaimanapun, tempoh selepas pandemik menunjukkan subsektor Aktiviti pertukangan khas telah berkembang dengan kukuh dan menjadi penyumbang utama kepada sektor Pembinaan pada tahun 2022.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Seiring dengan peningkatan output kasar, **input perantara** bagi keseluruhan sektor Pembinaan meningkat sebanyak 2.8 peratus setahun kepada RM139.3 bilion berbanding 2015. Peningkatan ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh kenaikan kos bahan binaan utama, seperti simen dan keluli besi seperti yang digambarkan dalam Indeks Kos Pembinaan (BCI) dari 2020 hingga 2022 di seluruh Semenanjung Malaysia.

Oleh yang demikian, jumlah **nilai ditambah** meningkat sebanyak 0.6 peratus kepada RM65.7 bilion pada 2022 (2015: RM63.2 bilion). Walaupun subsektor Kejuruteraan awam menduduki tempat kedua dari segi janaan output kasar, subsektor ini merupakan penyumbang utama nilai ditambah dengan sumbangan 27.1 peratus atau bersamaan dengan RM17.8 bilion. Ini diikuti oleh subsektor Bangunan bukan kediaman dengan sumbangan sebanyak 26.5 peratus (RM17.4 bilion) dan subsektor Aktiviti pertukangan khas (26.2%; RM17.3 bilion). Sementara itu, subsektor Bangunan kediaman mencatatkan sumbangan sebanyak 20.2 peratus atau RM13.3 bilion.

Selain itu, **bilangan pekerja** sektor Pembinaan menurun 0.5 peratus, berjumlah 1.24 juta orang pada 2022 (2015: 1.29 juta orang), berikutan daripada penutupan sempadan yang berpanjangan dari 2020 hingga awal 2022 yang menyekat pergerakan pekerja asing ke negara ini. Hanya subsektor Kejuruteraan awam mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 1.2 peratus (2015: 5.3%) kepada 354.3 ribu orang pekerja (2015: 325.7 ribu orang) manakala tiga subsektor lain mencatatkan penurunan berbanding 2015. Kesannya, sumbangan pekerja bukan warganegara Malaysia yang bekerja dalam sektor Pembinaan pada tahun 2022 berkurangan kepada 23.6 peratus (293.6 ribu orang) daripada 35.8 peratus (462.6 ribu orang) pada tahun 2015. Majoriti atau 56.3 peratus daripada pekerja bukan warganegara Malaysia bekerja dalam subsektor Bangunan kediaman dan Kejuruteraan awam. Sementara itu, pekerja bergaji sepenuh masa meliputi 95.1 peratus atau bersamaan dengan 1.18 juta orang pada tahun 2022. Pekerja separuh mahir merupakan penyumbang tertinggi (78.7%), diikuti pekerja mahir (14.9%) dan pekerja berkemahiran rendah (6.4%). Hampir 40 peratus daripada jumlah pekerja mempunyai kelulusan tertinggi SPM/SPM(V) atau setaraf dengannya.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Walaupun bilangan pekerja menurun, jumlah **gaji dan upah** yang dibayar meningkat sebanyak 1.5 peratus setahun, berjumlah RM36.4 bilion pada tahun 2022 berbanding RM32.9 bilion pada tahun 2015. Oleh itu, purata gaji dan upah dalam sektor Pembinaan meningkat kepada RM2,536 sebulan berbanding RM2,162 sebulan pada 2015. Pekerja dalam subsektor Kejuruteraan awam menerima purata gaji dan upah tertinggi dengan nilai RM2,825 sebulan. Pekerja mahir memperoleh purata gaji dan upah

tertinggi sebanyak RM5,594 sebulan, diikuti pekerja separuh mahir (RM2,078) dan pekerja berkemahiran rendah (RM1,431).”

Ketua Perangkawan menambah, “Sejumlah 3,869 pertubuhan dengan sumbangan 5.4 peratus daripada keseluruhan pertubuhan Pembinaan pada 2022 dimiliki oleh wanita. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,268 pertubuhan atau 32.8 peratus adalah dalam subsektor Kejuruteraan awam. Pertubuhan **milikan wanita** dalam sektor Pembinaan menjana nilai output kasar sebanyak RM4.7 bilion dengan seramai 35,077 orang pekerja. Hampir 70 peratus pertubuhan milikan wanita adalah berstatus hak milik perseorangan (2,667 pertubuhan). Ini diikuti oleh syarikat sendirian berhad dan perkongsian liabiliti terhad yang mewakili 17.9 peratus atau 691 pertubuhan.”

Mengulas lanjut mengenai prestasi ekonomi mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Lebih 50 peratus daripada output kasar dalam sektor Pembinaan pada 2022 disumbangkan oleh tiga **negeri** iaitu Selangor (sumbangan: 31.3%); W.P. Kuala Lumpur (sumbangan: 16.2%); dan Johor (sumbangan: 11.6%). Dari segi kadar pertumbuhan tahunan, sembilan negeri mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi daripada peringkat nasional iaitu Kedah (10.3%); Sarawak (5.4%); Selangor (4.6%); Sabah (4.4%); Pulau Pinang (3.8%); Kelantan (3.5%); W.P. Kuala Lumpur (2.9%); Terengganu (2.6%); dan Negeri Sembilan (2.2%).”

Mengakhiri kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Dengan data Banci Ekonomi 2023, ianya memberikan gambaran yang lebih jelas dan pemahaman yang lebih baik tentang struktur ekonomi pasca pandemik pada 2022 serta mengenal pasti sebarang ketidakseimbangan yang memerlukan perhatian. Data yang dikumpulkan daripada banci ini adalah sebagai asas penting bagi kerajaan, pelabur dan penyelidik membuat keputusan yang lebih baik dan pembentukan strategi dan dasar yang berkesan untuk mengerakkan ekonomi negara ke hadapan.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Paparan 1: Statistik Utama Sektor Pembinaan, 2015 dan 2022

	2015	2022	CAGR 2022/2015
 Bilangan Pertubuhan	40,558	71,062	8.3%
 Output Kasar	RM177.9 billion	RM205.1 billion	2.0%
 Input Perantara	RM114.8 billion	RM139.3 billion	2.8%
 Nilai Ditambah	RM63.2 billion	RM65.7 billion	0.6%
 Pekerja	1,290,474	1,242,412	-0.5%
 Gaji & Upah	RM32.9 billion	RM36.4 billion	1.5%
 Harta Tetap	RM25.1 billion	RM27.6 billion	1.4%

Paparan 2: Nilai Output Kasar mengikut Subsektor, 2015 dan 2022

	Output Kasar (RM billion)		Sumbangan (%)		CAGR (%)
	2015	2022	2015	2022	2022/2015
 Pembinaan	177.9	205.1			2.0
 Kejuruteraan awam	48.1	58.8	27.0	28.7	2.9
 Bangunan bukan kediaman	46.1	52.8	25.9	25.7	2.0
 Aktiviti pertukangan khas	38.1	52.5	21.4	25.6	4.7
 Bangunan kediaman	45.7	41.0	25.7	20.0	-1.5


Paparan 3: Nilai Output Kasar mengikut Negeri, 2015 dan 2022

MALAYSIA



RM billion

205.1 | 177.9



2022 | 2015 RM billion



Kadar pertumbuhan tahunan (%)



Sumbangan (%)

Paparan 4: Bilangan Pekerja Bergaji Sepenuh Masa dan Gaji & Upah mengikut Kategori Kemahiran, 2022



Peratus Sumbangan (%)

Paparan 4: Statistik Utama Pertubuhan Milikan Wanita, 2022

	Peratus Sumbangan Output Kasar (%)	Bilangan Pertubuhan 	Output Kasar (RM bilion) 	Nilai Ditambah (RM bilion) 	Pekerja 
 Pembinaan		3,869	4.7	1.6	35,077
 Kejuruteraan awam	39.3	1,268	1.9	0.6	12,305
 Bangunan bukan kediaman	23.3	671	1.1	0.340	7,416
 Bangunan kediaman	18.8	887	0.89	0.343	8,197
 Aktiviti pertukangan khas	18.6	1,043	0.88	0.291	7,159

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 JULAI 2024